

SQS ONLINE : LAWATAN KE JABATAN METEOROLOGI KEDAH TINGKAT KEBERKESANAN PROSES P&P PROGRAM MATEMATIK PERNIAGAAN

Pusat Pengajian Sains Kuantitatif (SQS)

Thu 11/2/2017 10:27 AM

To: UUM - All Staff <uumnet@uum.edu.my>;

Cc: Prof. Dr. Sharipah Soaad Bt Syed Yahaya <sharipah@uum.edu.my>; Dr. Nerda Zura Binti Zaibidi <nerda@uum.edu.my>; Roslee bin Mardan <roslee@uum.edu.my>;



**Pusat Pengajian Sains
Kuantitatif**

SCHOOL OF QUANTITATIVE SCIENCES

Universiti Utara Malaysia

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

2 NOVEMBER 2017 | 13 SAFAR 1439H

Oleh : Prof. Madya Dr. Nazihah Ahmad

**LAWATAN KE JABATAN METEOROLOGI KEDAH TINGKAT KEBERKESANAN
PROSES P&P PROGRAM MATEMATIK PERNIAGAAN**



SQS ONLINE: Pihak Pusat Pengajian Sains Kuantitatif (SQS) bersama pelajar kursus Analisis Berangka telah mengadakan lawatan ke Pejabat Meteorologi Kedah di Kepala Batas pada 31 Oktober 2017. Delegasi seramai 9 orang pelajar tahun akhir Program Matematik Perniagaan itu turut disertai 3 orang pelajar Majlis Perwakilan Pelajar (SQS), Prof. Dr. Zurni Omar selaku pensyarah kursus, Prof. Madya Dr. Nazihah Ahmad merangkap Ketua Jabatan Matematik dan Statistik, dan Dr. Wan Laailatul Hanim Mat Desa.

Delegasi disambut mesra oleh Encik Rosli Zakaria (Pengarah), Puan Nur Syafeenatul Alfda Hj Rosli (Penolong Pengarah) dan beberapa staf Pejabat Meteorologi Kedah. Sesi taklimat oleh Pengarah dimulai dengan penerangan fungsi, tanggungjawab dan perkhidmatan yang disediakan oleh Pejabat Meteorologi diberikan oleh Pengarah. Mereka membuat pemantauan cuaca secara berterusan dan membekalkan maklumat ramalan kaji cuaca, di samping turut menyalurkan data meteorologi kepada menara kawalan penerbangan selaras dengan ketetapan 'International Civil Aviation.' Beliau turut memaklumkan bahawa pengetahuan dan kemahiran dalam bidang matematik, statistik dan pengaturcaraan amat diperlukan dalam proses peramalan kaji cuaca seperti teknik interpolasi yang dipelajari dalam kursus Analisis Berangka.

Seterusnya, delegasi dibawa melawat ke kawasan lapangan dan diberi penerangan bagaimana data dicerap menggunakan peralatan tradisional dan moden. Di akhir lawatan, delegasi dibawa berkunjung ke Stesen Radar Meteorologi di Hutan Kampung. Stesen Radar tersebut berfungsi untuk mengumpul maklumat titisan-titisan air di dalam awan yang dijalankan secara automatik bagi setiap 10 minit dan memaparkan imej radar di sistem paparan.

Lawatan ini adalah sebahagian daripada aktiviti pengajaran dan pembelajaran dalam kursus Analisis Berangka yang mana pelajar didedahkan secara langsung penggunaan ilmu matematik dalam kehidupan sebenar khususnya dalam bidang meteorologi. Kemudiannya mereka akan menghubungkan elemen data meteorologi dengan teori matematik yang dipelajari dalam kuliah melalui projek berkumpulan yang akan dijalankan. Projek ini merupakan sebahagian daripada komponen dalam penaksiran kursus. Hasil dapatan projek berkumpulan ini diharap dapat memberi manfaat kepada pihak Meteorologi Kedah.

Pusat Pengajian Sains Kuantitatif | (School of Quantitative Sciences) |
College of Arts and Sciences | Universiti Utara Malaysia |
06010 UUM Sintok, Kedah | Malaysia |
Tel : +6049286301 | Fax : +6049286309 |
E-mail : sqs@uum.edu.my
Website : <http://www.sqs.uum.edu.my>
Facebook : <https://www.facebook.com/SQSUUM>



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.